

**TITAH UCAPAN RAJA PUAN MUDA PERLIS  
DYTM TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL  
MERANGKAP TUANKU PRO-CANSELOR UniMAP  
SEMPENA SIDANG KEENAM ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-13  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)  
BERTEMPAT DI DEWAN ILMU, UniMAP PAUH PUTRA  
PADA 29 OKTOBER 2018, JAM 2.45 PETANG**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

*“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”*

serta - *‘Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP’*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, maka dapatlah kita bersama-sama pada petang yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, tahniah diucapkan kepada semua graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dan anda semua diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima Ijazah masing-masing.

Tahniah juga kepada para ibu bapa, waris, penjaga dan seisi keluarga yang telah memberi sepenuh dorongan dan perhatian kepada semua graduan dalam memastikan kejayaan mereka pada hari ini.

Para graduan sekalian,

Dengan berlangsungnya majlis Konvokesyen pada hari ini, maka sebahagian daripada graduan kini secara rasminya tidak lagi terikat kepada sistem pendidikan formal. Namun, ia tidak bermaksud graduan tidak mempunyai

tanggungjawab sosial yang harus dilaksanakan. Justeru, Saya ingin menyeru anda semua untuk melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing terutama dalam 3 perkara ini:

### **Pertama - Tanggungjawab Menjaga Keselamatan Negara.**

Para graduan UniMAP baik dari Malaysia mahupun pelajar antarabangsa merupakan duta kecil kepada universiti ini. Justeru, elakkanlah diri anda daripada terlibat dalam sebarang bentuk gerakan berasaskan keganasan walau atas alasan apa sekalipun.

Terdapat segelintir individu yang tidak bertanggungjawab, berfikiran singkat, mementingkan diri malah mereka juga tidak mewakili mana-mana bangsa, agama mahupun fahaman, sanggup mengamcam dari segi nyawa dan mencetuskan kebinasaan terhadap orang lain.

### **Kedua - Tanggungjawab Membanteras Gejala Dadah.**

Saya juga berharap para graduan mempunyai tekad yang tinggi memerangi najis dadah yang amat berbahaya dan merosakan pemikiran yang waras, fizikal, emosi, bangsa dan negara jika ianya tidak dibanteras secara serius. Ia merupakan satu ancaman terhadap kemajuan dan peradaban dunia. Amat mendukacitakan apabila gejala ini bukan sahaja mempengaruhi golongan belia, malah remaja yang masih di bangku sekolah. Justeru, menjadi tanggungjawab kepada para graduan untuk berperanan aktif dalam membanteras gejala ini di dalam masyarakat, serta

### **Ketiga - Tanggungjawab Sosial Membudayakan Amalan Gaya Hidup Sihat.**

Berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun lalu, dianggarkan 3.5 juta iaitu 17.5% penduduk negara ini menghidap kencing manis atau diabetes. Jumlah itu jauh berbeza dengan peratusan sekitar tahun 1960-an yang mana ketika itu hanya 1 hingga 2% sahaja yang menghidapinya.

Peningkatan secara mendadak ini secara tidak langsung menyangkal dakwaan yang mengatakan ia hanya dihidapi oleh orang-orang 'kaya' dan yang tinggal di bandar sahaja. Lebih membimbangkan adalah peningkatan kes di usia muda iaitu kira-kira 3 kali ganda sejak 15 tahun lalu. Kos yang diperlukan untuk

merawat penyakit-penyakit ini begitu tinggi. Oleh itu, para graduan harus mengamalkan gaya hidup sihat bermula daripada sekarang dan lakukanlah pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, terima kasih kepada Pengerusi serta semua Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, seluruh warga UniMAP dan semua pihak yang menjayakan Istiadat Konvokesyen ini.

Saya dan Tuanku Canselor berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberkati majlis ini dan melindungi perjalanan sekalian hadirin ketika pulang ke destinasi asal masing-masing.

*Perahu belayar ke hujung tanjung,  
Sambil mencuba labuhkan pukut,  
Graduan dikasih harapan dijunjung,  
Mencanai ilmu membina umat.*

*Mangga muda dibuat kerabu,  
Dicampur pula santan kelapa,  
Keringat si bapa kasih si ibu,  
Jangan graduan mudah terlupa.*

Dengan ini, Saya menanggungkan 'Sidang Keenam dan Terakhir Bagi Istiadat Konvokesyen Ke-13 UniMAP, Tahun 2018'.

Wabillahitaufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Terima kasih.